

**Caexpo 2011 Bermula Hari Ini, Dirasmikan Bersama Oleh Najib, Wen Jiabao  
Bernama  
October 21, 2011**

NANNING (China), 21 Okt (Bernama) -- Edisi kelapan Ekspo China-Asean (CAEXPO 2011) bermula hari ini dan dirasmikan bersama oleh Perdana Menteri China Wen Jiabao dan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak, yang tiba semalam.

Ekspo itu yang merupakan pameran perdagangan terbesar di China, diadakan setiap tahun di Bandar Raya Hijau ini, yang dianggap sebagai platform berkesan dalam mempromosikan kerjasama antara China dan Asean dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

Penyertaan Malaysia tahun ini adalah yang terbesar sejak pelancaran CAEXPO pada 2004. Ia penting dan istimewa memandangkan Malaysia ialah Negara Kehormat," kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata CAEXPO memainkan peranan penting dalam mengukuhkan hubungan perdagangan dua hala antara China dan Malaysia yang merupakan platform rantaian strategik.

"Ia berperanan sebagai platform yang ideal untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan ke pasaran China yang besar dan pasaran Asean.

"Gabungan pasaran yang mempunyai 1.9 bilion penduduk ini merupakan pasaran terbesar dunia dan pasaran ini semakin menonjol hasil pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Bebas Asean-China pada 1 Jan, 2010, yang mengurangkan tarif dan halangan perdagangan antara China dan negara anggota Asean," katanya.

Antara 146 peserta pameran Malaysia, 16 membabitkan agensi kerajaan, 128 syarikat dan dua persatuan perdagangan.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membawa masuk 300kg durian sejuk beku, pertama kali sejak kerajaan China membenarkan pengimportan durian sejuk beku dari Malaysia pada 11 Mei, 2011.

Turut membuka ruang pameran di Dewan 5 di tengah-tengah Pavilion Malaysia di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Nanning, ialah Top Fruits Sdn Bhd, yang menandatangani perjanjian dengan Shanghai Qinyan Economy dan Raccines World Company.

Perjanjian-perjanjian itu yang disaksikan oleh Mustapa, menyaksikan Top Fruits melantik Shanghai Qinyan dan Raccines World sebagai pengedar durian sejuk beku untuk wilayah dagangan terkemuka di China, Shanghai dan Guangdong.

Pavilion Malaysia membabitkan kawasan seluas 2,900 meter persegi.

Tourism Malaysia pula menyetujui Johor Baharu pada "Pavilion of Cities of Charm" yang membabitkan kawasan seluas 270 meter persegi.

---BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=621521>